

STRATEGI JIHAD DALAM MASYARAKAT MINORITI

DI DUNIA, umat Islam sebenarnya adalah minoriti. Daripada 6.5 bilion manusia, umat Islam membentuk sekitar 1.2 bilion jiwa, iaitu hampir seperlima umat manusia. Namun angka ini pun berdasarkan taksiran saja.

56 buah negara yang majoriti penduduknya adalah Islam juga adalah anggota Mukhtamar Islam, termasuk Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia di Asia Tenggara.

Minoriti Islam dinilai berdasarkan jumlah penduduk sesebuah negara, termasuk di rantau-rantau yang 'baru'. Ini berlaku umumnya kerana penghijrahan umat Islam dari negara leluhur mereka demi mengelakkan kemiskinan, aniaya politik atau sekadar mencari 'hujan emas' atau kehidupan lebih baik 'di rantau orang'.

Sekadar contoh, umat Islam membentuk penganut minoriti terbesar di Amerika Utara, iaitu sekitar tujuh juta jiwa (mengatasi penganut Yahudi). Minoriti Islam dikatakan membentuk 100 juta jiwa di India yang mempunyai hampir 1 bilion penduduk, tetapi ada dakwaan angkanya mungkin 250 juta! Di Cina, minoriti Islam dicatatkan sekadar 30 juta jiwa daripada penduduk 1.2 bilion orang, tetapi ada dakwaan angkanya mungkin sekitar 80 juta jiwa.

PENAKATAN MINORITI MUSLIM

Kajian mengenai penakatan minoriti di banyak negara menunjukkan ada yang lemah dan ada yang perkasa lagi dihormati.

Walaubagaimana pun, keganasan itu bukanlah satu huraian untuk meningkatkan taraf kehidupan, menuntut hak-hak serta menegakkan keadilan oleh umat minoriti. Malahan dengan menjadikan keganasan itu sebagai huraian untuk apa-apa masalah sahaja boleh memburukkan situasi dan keadaan. Akibatnya mereka akan lebih tertekan dan dimusuhi. Sebagai umat minoriti, kita harus berfikir secara bijak dan rasional. Hanya dengan formula ini sahaja akan kita dapat mencapai kejayaan yang hanya disusuli dengan pendidikan; penyusunan ekonomi yang mantap serta mempelajari kejayaan majoriti; ciri-ciri pembangunan umat.

Banyak contoh-contoh ketara yang boleh kita ambil untuk menengahkan bahawa umat minoriti itu boleh mencapai kejayaan. Minoriti Yahudi, Anglo Saxon, Cina, Jepun dan India berjaya di negara 'tumpang' mereka (adopted countries), menurut Joel Cotkin dalam buku terkenalnya, *Tribes*. Pokoknya mereka hendaklah mempunyai jiwa cemerlang untuk membangunkan diri

menerusi pendidikan dan keusahawanan serta tabah menyertai dan menyumbang kepada pembangunan negara. Sekadar contoh, minoriti Jepun terkenal kaya di Amerika Selatan dan ada yang menjadi ketua negara iaitu Presiden Peru, Alberto Fujimori.

Menurut Dr Tariq Ramadan dalam buku terkenalnya, *'To Be A European Muslim'*, penakatan minoriti umat Islam akan ditentukan oleh faktor-faktor berikut:

1. Keselesaiannya untuk hidup dan mengamalkan agamanya.
2. Ilmu dan keahliannya untuk membuat tafsiran agama Islam agar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dan senantiasa berada dalam arus utama masyarakat.
3. Kemahiran, peranan dan sumbangannya kepada masyarakat agar kehadirannya dihargai atau diiktiraf.

Meskipun seluruh Muslim diikat oleh tali akidah sebagai ummah, namun, hujah Dr Tariq, yang utama ialah jati diri Muslim hendaklah kepada watannya. Ia harus tidak mengaitkan lagi dirinya dengan kesetiaan terhadap tanah leluhur (asalnya) sehingga senantiasa 'terasing' di negara tumpangnya. Sebaliknya ia harus berperanan dan menyertai majoriti bukan Islam untuk mewujudkan kehidupan harmoni.

Kehidupan harmoni terjejas, menurut laporan Majlis Hubungan Islam-Amerika (CAIR) yang berpangkalan di Washington, ibu kota Amerika Syarikat, sejak peristiwa 11 September 2001. Perhubungan antara kaum minoriti Islam dan majoriti bukan Islam mengalami ketegangan. Tindakan terus diambil oleh pihak pemerintah dan masjid-masjid untuk menghilangkan salah tanggapan - salah tanggapan yang timbul. CAIR juga melaporkan bahawa selepas serangan September 11, bilangan penganut Islam baru yang berjumlah 20,000 pada setiap tahun, telah berganda sebanyak empat kali.¹ Dengan bilangan penganut Islam yang kian meningkat, apakah huraianya bagi penakatan minoriti Muslim?

- **Bersikap toleran sebagai lambang persaudaraan**

Dalam kuliahnya, "Muslims Living in Non-Muslim Lands", Syeikh Abdullah Bin Bayyah menyatakan:

"Imam Syubrahiti ibn Rajul al-Hambali dan para fuqaha yang lainnya telah menyatakan bahawa 'saudara' itu tidak hanya bermakna saudara Islam sahaja tetapi ia merangkumi makna yang lebih luas lagi, iaitu persaudaraan yang mengikatkan kita kepada setiap manusia, iaitu kita semua adalah daripada Nabi Adam... memahami

¹ Petikan dari "Islam stirs converts after Sept.11" oleh Agnes Diggs., North County Times bertarikh 13 Mei 2002.

hakikat ini menyedarkan kita bahawa kita semua mempunyai tali persaudaraan dengan mereka..”²

Memanglah majoriti bukan Islam diharap bersikap toleran terhadap golongan minoriti Islam. Ini adalah kerana mereka berkuasa dan boleh bertindak tegas terhadap umat Islam. Tetapi dalam pada masa itu, umat Islam yang walaupun kecil masih boleh berperanan besar dalam membina toleransi antara para penganut agama yang berlainan.

PENGERTIAN TOLERANSI

Tetapi apakah yang dimaksudkan dengan toleransi? Ia bukan bermakna orang Islam ‘menjual’ agamanya demi dapat diterima oleh majoriti. Ia bererti mencari ‘ruangan bersama’ menerusi pengiktirafan kewujudan masing-masing, dialog dan pertukaran maklumat, kerjasama dan sikap tolong-menolong sewaktu senang dan susah.

Umat Islam amat ditegah bertindak ganas. Malah ‘pengganasan’ bukan suatu istilah dalam kamus Islam. Bahkan apa jua perkara yang merujuk kepada pengganasan seperti penindasan sehingga penjajahan amat dikutuk oleh Islam. Ini terpapar dalam banyak ayat Quran.

Menurut Shyekh Abdullah bin Bayyah, di mana jua umat Islam hendaklah berusaha mewujudkan suasana kesejahteraan. Konsep kesejahteraan merupakan salah satu makna “Islam”. Untuk mencapainya, maka umat Islam digalakkan berinteraksi dengan yang bukan Islam menerusi dialog yang membina yang dipanggil jihad lisan dan tulisan (*jihad al-kalimah*):

*“...kita akan dapati bahawa pada waktu Baginda Rasulullah saw berada di Mekah sebelum melakukan hijrah, baginda tidak menuntut kuasa daripada pemerintah di sana. Baginda menyeru rakyat di sana untuk bertauhid pada jalan Allah. Baginda menyeru mereka untuk bersembahyang. Baginda menyeru mereka untuk membersihkan hati dan jiwa mereka. Baginda menyeru mereka untuk meninggalkan shirik. Semua ini dikenali sebagai jihad lidah: **jihad al-kalimah**; ia bukanlah jihad pedang ataupun zaman sekarang yang menggunakan senjata, bahan kimia dan bom. Allah swt telah bersabda “**Jaahidhum bihi jihad al-kabir.**” **Jaahidhum bihi** bermaksud untuk berjuang ke atas mereka dengan Al-Quran. Ia juga bermakna, “katakanlah ayat-ayat Al-Qur’an kepada mereka dan berjuanglah ke atas mereka dengan kata-kata yang benar;” inilah Jihad di Mekkah...Oleh kerana itu, jihad adalah semacam perbelanjaan usaha seseorang kepada kebaikan. Ia bermakna untuk sentiasa berbuat*

² Petikan dari “Muslims Living in Non-Muslim Lands’ oleh Syeikh Abdullah Bin Bayyah. http://www.zaytuna.org/specials/muslims_living_in_non_muslim_lands.html.

baik dan giat berusaha di dalam sebuah masyarakat untuk menghulurkan bantuan dari segi sosial mahupun kewangan – supaya dapat merubahkan keadaan: jika mereka tidak baik, kita harus cuba untuk memperbaiki mereka. Ini boleh dilakukan tanpa peperangan dan kekerasan, dan ini juga adalah jihad. Memanglah salah untuk mereka mempunyai fikiran yang sempit tentang jihad dengan tafsiran yang kurang tepat yang hanya akan memberikan pemahaman bahawa jihad itu adalah perjuangan militari, iaitu bukan makna sebenarnya dari segi Islam.”

Rasulullah saw telah bertungkus-lumus mewujudkan suasana dialog walaupun di sebuah kota kelahirannya yang amat memusuhi Islam. Ketika itu umat Islam merupakan minoriti yang amat daif. Baginda menyeru mereka yang bukan Islam dengan kata-kata daripada Al-Qur’an.

- **Akrab dengan negara dan pemerintah**

Umat Islam minoriti perlu berusaha untuk berbaik-baik dengan negara dan pemerintah; bukan mengambil sikap bermusuhan. Demikian teras hujah Maulana Wahiduddin Khan dalam buku kecilnya, *Islamic Activism*:

“Sama ada kaum Muslimin hidup di negara Muslim atau bukan Muslim, mereka dikehendaki mematuhi undang-undang dan perlembagaan negara tersebut. Melanggar undang-undang dan perlembagaan negara tersebut, atau terlibat dalam aktiviti yang tidak sah atas nama Islam adalah perbuatan yang tidak boleh dilakukan oleh seorang Muslim. Batas undang-undang yang ditetapkan menjadi had kepada aktiviti kita, dan apabila had ini telah dicapai, pilihan kita hanyalah bersabar, bukan bertelagah atau berkonfrontasi, yang melibatkan perbuatan melanggar undang-undang.

Muslim yang hidup di negara yang bukan Islam, iaitu negara yang menampung majoriti bukan Muslim dan telah menggubal sistem bukan politik, maka secara moral ia dikira telah membuat suatu kontrak tidak bertulis yang memberi jaminan bahawa mereka akan berkelakuan baik, dan ini sepatutnya mengikat mereka serupa kontrak bertulis. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan Muslimin yang hidup di negara-negara seperti itu mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa di sana dan mentaati semua peraturan-peraturan lain. Kaum Muslimin tidak boleh bertindak melanggar undang-undang atas alasan apa sekalipun.”³

Ini bermakna Umat Islam harus menilai tindakannya – apakah bersesuaian dengan perlembagaan atau undang-undang negara. Umat Islam

³ Petikan dari “Islamic Activism” oleh Maulana Wahiduddin Khan.
<http://www.alrisala.org/Articles/tolerance/multirelg.htm>

minoriti juga merupakan rakyat sesebuah negara dan berhak melantik pemerintahan. Oleh itu, umat Islam wajar menghormati dasar dan pandangan negaranya.

Dalam undang-undang antarabangsa, negara sekular bebas membuat undang-undang untuk rakyat mereka yang Muslim, negara majoriti Muslim tidak berhak campur tangan. Teras prinsip ini rupa-rupanya sudah diwujudkan seawal pembentukan umat Islam menurut Muhammad Hamidullah dalam bukunya, *The Muslim Conduct of State*:

“Pada zaman Rasulullah saw satu perjanjian damai dan penyerahan kembali telah diadakan di antara negara Muslim Madinah dan negara kota Mekah, dan Rasulullah saw menghantar kembali semua Muslim Mekah yang datang kepadanya untuk meminta perlindungan. Ini dilakukan walaupun minoriti Muslim mengalami kepayahan dan penyeksaan yang tidak terhingga di Mekah.”

JIHAD MUSLIM SINGAPURA

Hidup adalah perjuangan. Umat Islam Singapura perlu berjuang untuk meningkatkan harga diri dalam bidang ekonomi, pendidikan dan sosial kerana menyedari kemajuan mereka masih lagi terkebelakang di negara ini.

Perjuangan yang gigih adalah teras erti ‘jihad’. Jadi apakah jihad umat Islam Singapura?

1. Jihad Sosial

Menangani dengan bijak dan sungguh-sungguh pelbagai masalah dan halangan sosial seperti kadar perceraian yang tinggi (satu setiap empat perkahwinan), kadar penagihan dadah (55 peratus bekas penagih), masalah remaja (46 peratus pesalah juvena adalah Muslim), kemiskinan dan kadar pendidikan yang rendah.

2. Jihad Ekonomi

- a. Kedudukan ekonomi umat Islam rendah dari segi pekerjaan tetap atau keusahawanan. Sejak berlaku kemuraman ekonomi, ramai pekerja Islam diberhentikan dan lama menganggur. Mereka didapati rendah pendidikan dan kemahiran serta sukar menyesuaikan diri dengan tuntutan pekerjaan baru. Oleh kerana syarikat Islam amat sedikit, jadi pekerja Melayu amat bergantung dengan syarikat lain yang lebih cenderung menggaji pekerja mahir yang fasih Inggeris atau Mandarin.

Orang Islam masih kurang menjadi usahawan. Pada hal hadis terkenal menyatakan 90 peratus rezeki merupakan hasil usahawan. Lantaran itu, kedudukan ekonomi umat Islam masih rendah dan tidak berdikari terutama dalam saat ekonomi muram. Allah swt mengingatkan manusia agar sentiasa berusaha untuk kepentingan duniawi termasuk berjihad demi meningkatkan ekonomi. Firmannya :

Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu kebahagiaan negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari kenikmatan duniawi dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.⁴

3. Jihad Pendidikan

Meskipun gerakan pendidikan Muslim Singapura sudah bermula seawal pertengahan abad ke-19, namun kedudukan pendidikan mereka masih rendah. Dua pertiga anak Islam tidak mendapat pendidikan agama secara rasmi, sekurang-kurangnya madrasah hujung minggu di masjid. Kadar keciciran pelajar Islam di sekolah rendah dan menengah merupakan yang tertinggi di Singapura. Gerakan pendidikan Yayasan Mendaki dan yang lain-lain memerlukan tenaga jihad umat Islam yang lebih padu demi meningkatkan pencapaian pendidikan. Mengingatkan para pemimpin bangsa supaya membela nasib anak bangsanya dalam semua lapangan hidup di Singapura supaya mereka dapat berdiri setaraf dengan bangsa-bangsa lain, khususnya dalam lapangan pekerjaan agar mereka tidak dianaktirikan, sebab dengan cara itu sahajalah akan dapat menaikkan taraf anak bangsa sesuai taraf yang lain dan menjamin ekonomi mereka dalam menempuh hidup bersama dengan bangsa-bangsa lain di Singapura.

Dalam perkara ini Allah swt telah menjelaskan akan peri pentingnya sesebuah kaum itu keluar untuk mencari ilmu sebagaimana sabdanya:

⁴ Surah Al-Qasas: 77

Tidak sepatutnya bagi orang-orang mukmin itu pergi semuanya ke medan perang. Mengapa tidak pergi dari setiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.⁵

4. Jihad Akhlak

Keindahan dan daya penarik Islam adalah pada akhlak pemimpin atau umatnya. Hal ini bukan lagi satu perkara baru. Akhlak agung Nabi Muhammad merupakan daya penarik bagi penyebaran Islam. Manakala akhlak terpuji para sahabat dan pengikut mereka merupakan obor yang menyinari alam ini sehingga terbina tamadun Islam sepanjang 700 tahun (berakhir 1400 masehi).

Hal ini jelas difirmankan oleh Allah swt dalam Al-Quran dengan firmannya :

Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu contoh yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap rahmat Allah dan kedatangan hari Qiyamat dan dia banyak mengingati Allah.⁶

Hendaklah umat Islam benar-benar serius dalam masalah akhlak ini kerana mencuaikan akhlak yang mulia itu akan memundurkan terus kaum muslimin di Republik ini, sesuai dengan apa yang dimadahkan pujangga Syauqi dalam syairnya :

⁵ Surah Surah At-Taubah:122

⁶ Surah Al-Ahzab: 21

*

Sesungguhnya setiap umat itu dipandang mulia dengan akhlaknya. Sekiranya akhlak itu hilang dari mereka, maka hilanglah kehormatan kaum itu.

Tetapi kini akhlak umat Islam selain dikaitkan dengan penganasan, juga dikaitkan dengan masalah kemiskinan dan keterbelakangan. Citra atau imej demikian tentu menjauhkan bukan Islam daripada hendak berdialog atau mengagumi contoh Muslim. Hanya dengan akhlak cemerlang dan budi yang indah, umat Islam dapat membentuk masyarakat berbudi di Singapura.

Selain pucuk pimpinan, ulama dan asatizah, ibu bapa Muslim Singapura berperanan penting dalam strategi jihad, khususnya dalam menyediakan pendidikan akhlak Islam yang mendorong kehidupan harmoni dan tolong-menolong. Ia bermula dengan keluarga yang teguh untuk membolehkan anak-anak membesar dengan jiwa Islam, penuh kasih sayang dan semangat untuk menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara.